

28/05/1997

Malaysia model negara Islam

SIAPA yang tidak syak apabila seorang wanita muda dan seorang lelaki, yang boleh dikatakan terlalu tua untuk dijadikan suaminya tinggal di sebuah hotel di Sungai Petani, Kedah.

Selepas menerima panggilan telefon, pegawai Jabatan Agama Islam menyerbu hotel itu dan menahan pasangan terbabit, walaupun mereka mengaku sebagai suami isteri sah.

Pasangan itu dikatakan melanggar hukum Islam kerana berkhawat. Hukuman biasa bagi kesalahan itu ialah penjara sekurang-kurangnya enam bulan atau denda atau kedua-duanya.

Untuk membuktikan kejujuran mereka, pasangan terbabit mengemukakan salinan faksimili sijil nikah mereka kepada jabatan agama, tetapi tidak diakui sebagai sijil sah. Pasangan itu perlu mempunyai sijil sah bagi membuktikan bahawa mereka adalah suami isteri sah, seperti yang dikehendaki undang-undang.

Idea kad nikah diperkenalkan supaya ia mudah dibawa bersama kad kredit, keahlian kelab golf dan gambar anak-anak dalam dompet masyarakat moden Islam Malaysia.

Daripada kad sijil nikah kepada reka bentuk baru tandas, pasar raya yang tidak menjual daging babi kepada sistem kewangan yang membolehkan Malaysia menerima status 'Harimau Asia' yang dilakukan dengan berpandukan ajaran al-Quran, Malaysia adalah model negara Islam.

Kemodenan ciptaan Malaysia itu mampu mengikis pandangan buruk Barat yang sering mengaitkan Islam dengan keganasan dan ketidakperikemanusiaan. Lebih penting lagi ia adalah cabaran kepada rejim negara Islam di Timur Tengah yang mengkaji pembaharuan itu dengan teliti.

Bukan di Barat, malah sesetengah golongan alim yang masih bersifat konservatif di Malaysia turut mencemuh pembaharuan itu dengan dakwaan ia bertentangan dengan ajaran Islam.

Pertentangan dan kompromi seperti itu adalah suatu pencapaian ke arah jalan yang betul. Lihat sajalah hotel di Kuala Lumpur, di sebelah meja lampu bilik tidur terletak kitab suci al-Quran dan di mini bar pula, tersusun rapi botol arak.

Wanita Melayu pula berpakaian baju kurung yang disifatkan sopan dan menepati ciri adat berpakaian Islam yang menutup hampir keseluruhan tubuh badan. Baju kurung daripada kain sutera menampilkan keayuan pemakainya bukan untuk menghalang pemandangan lelaki seperti fungsi jubah hitam yang dipakai wanita Iran dan Afghanistan.

Tolak ansur turut wujud di antara masyarakat Melayu Islam dengan kaum minoriti seperti Cina dan India yang diberi kebebasan beragama.

Halangan dan batasan itu mengilhamkan kebijaksanaan dalam mencipta sistem yang boleh diguna pakai tanpa melanggar hukum Islam. Contohnya, Arab Malaysian Bank, memasarkan kad kredit cara Islam, yang direka bentuk bagi menolak pembayaran untuk urusan di kelab malam, rumah urut dan kegiatan lain yang bertentangan dengan Islam.

Ketika kekayaan berlimpah ruah, wujud sifat kebendaan dan tanda keruntuhan nilai dan amalan Islam diperhebatkan. Tidak menghairankan seorang berpakaian berjenama sambil memegang telefon bimbit taat ke masjid setiap waktu untuk menunaikan tanggungjawabnya terhadap agama.

Pemimpin Malaysia turut mendakwa stailnya dalam mencorakkan perkembangan pesat industrialisasi adalah sebahagian Renaissance Asia yang lebih luas.

Di Asia, dari satu segi dan di Malaysia, khususnya, perkembangan

teknologi, pendidikan dan modenisasi disuburi dengan amalan agama mengikut kaum. Individu diberi kuasa tetapi tidak sampai ke tahap untuk mencabar ketentuan peraturan Tuhan.

Pemangku Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, bekas pelajar radikal yang pernah dipenjarakan kerana fahamannya pada 1970-an, menyifatkan dirinya sebagai 'fundamentalis'. Tetapi beliau sering memetik ungkapan kata-kata Confucius dan Shakespeare dan pada suatu ketika pernah 'memujuk' Kabinet supaya tidak mengharamkan muzik rap.

"Liriknya baik, muziknya bagus," kata Anwar yang diperkenalkan muzik rap oleh anak perempuannya.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad membuktikan Islam bukan penghalang kemajuan atau modenisasi. Beliau yang memperkenalkan penerapan nilai Islam dalam semua segi di Malaysia secara peribadi membuktikan perkara itu.

Contohnya, ketika melawat Hollywood untuk memperkenalkan Koridor Raya Multimedia pada Ramadan lalu. Beliau menjalankan tugasnya dengan tidak makan dan minum pada siang hari di dunia ciptaan kreativiti Barat dan penuh dengan kemaksiatan.

Dari segi undang-undang, Dr Mahathir berusaha mengubah perjalanan sistem perundangan Islam. Pada masa ini, sistem kerajaan berasaskan sistem sekular, dengan parti politik utama dikuasai oleh orang Melayu dan beragama Islam.

Pada asasnya sistem perundangan Malaysia terbahagi kepada dua iaitu sistem sivil dan syariah. Mahkamah sivil ditadbir di peringkat Pusat, sementara syariah pula di bawah tanggungjawab kerajaan negeri.

Dalam hal ini, Kerajaan Pusat tidak mempunyai kuasa mutlak dalam sistem pentadbiran perundangan syariah yang dikatakan lembap dalam menjalankan urusannya, tidak konsisten dan kadang kala terburu-buru membuat keputusan.

Dr Mahathir kemudian memulakan proses membawa Mahkamah Syariah di bawah pengawasan Pusat.

"Hanya apabila Islam ditafsirkan supaya relevan di dunia yang berbeza daripada 1,400 tahun lalu, Islam boleh dianggap sebagai agama sepanjang zaman," kata Dr Mahathir.

Seperti kebanyakan orang di Malaysia, beliau percaya al-Quran tidak boleh ditafsir secara terus, seseorang itu perlu memahami maksud tersirat dan tersurat - tolak ansur dan semangat saling maaf memaafkan perlu dijadikan titik mulanya.

Fleksibiliti seumpama itu, turut menjadi tumpuan dalam menjadikan sistem kewangan Malaysia lebih bersifat keislaman. Bank memperkenalkan produk tanpa melanggar ajaran Islam, seperti mengenakan kadar faedah.

Pengurus jual-beli saham memperkenalkan indeks Islam yang mengandungi syarikat yang bebas daripada menjalankan kegiatan perniagaan haram, seperti menjual dan menyediakan alkohol, daging babi, terbabit dalam perjudian yang menjual atau mengambil pinjaman berfaedah.

Pengiktirafan Malaysia ke arah usaha penggerak pemodenan dalam Islam dicemburui negara Timur Tengah yang pada tradisinya menjadi tapak kepada ajaran Islam.

Tetapi Mac lalu, negara Arab mengiktiraf sumbangan Malaysia ke arah itu apabila Dr Mahathir menerima Anugerah Antarabangsa King Faisal, anugerah prestij negara Arab. Perdana Menteri menerima anugerah itu atas kesungguhan dan kemampuannya dalam menggerakkan pemodenan dalam Islam.

Bagaimanapun, seminggu sebelum itu, usaha Malaysia dalam menerapkan nilai Islam dalam masyarakat didakwa dicemari atau diruntuhkan oleh pengaruh buruk kuat dari Barat. Akhbar melaporkan peningkatan penagihan dadah, rasuah dan pelacuran di kalangan remaja.

Masalah itu dengan sendirinya memberi peluang kepada mereka yang menentang kemodenan, mengkritik kerajaan dan mahukan mereka kembali kepada

asalnya. Dr Mahathir tidak lemah dengan kritikan itu dan mencari jalan penyelesaian lebih sekular.

Beliau turut mengakui gejala sosial agak banyak berlaku di kalangan Melayu daripada bukan Melayu.

Jika difikirkan, perkara itu memeranjatkan seperti kata Hishamuddin Rais, seorang penggiat filem yang tinggal di Britain selama 20 tahun kerana dibuang negeri.

"Adakah kita Melayu dulu, Islam atau sebaliknya. Jika kita Islam dulu, adakah kita bermula dengan berkelakuan seperti orang Arab? Tiada garis panduan jelas mengenainya," katanya.

Sebagai pembuat filem, Hishamuddin tidak boleh mewujudkan adegan yang menampakkan ketiak wanita secara terbuka (adegan seks). Tetapi adegan seumpama ini biasa dalam rancangan televisyen import.

Konflik turut dapat dilihat apabila memperkatakan mengenai Aids. Pada ketika kes Aids di Malaysia meningkat, cendekiawan Islam tetap membantah penggunaan kondom di kalangan masyarakat Islam sebagai salah satu usaha mencegah penyakit itu.

Bagaimana pula dengan masalah wanita? Ada yang mendakwa ia belum cukup menyeluruh dalam mempertahankan hak asasi manusia.

"Pihak berkuasa agama sentiasa menekankan kepada nilai keluarga, tetapi dalam masa yang sama memporakperandakan keluarga" kata Zainah Anwar, seorang aktivis pergerakan wanita Islam.

Beliau kemudian memberi contoh kes poligami di kalangan lelaki Islam. Mengikut Islam, lelaki boleh berkahwin empat jika memenuhi syaratnya. Bagaimanapun, mengikut Zainah, poligami sekarang berbeza apabila ada lelaki yang bernikah atas dasar seks atau kepuasan diri semata-mata.

Kebanyakan lelaki berkahwin lebih dan ramai wanita yang menjadi isteri kedua, ketiga dan keempat adalah `benda cantik dan muda. Jika ada isteri sedia ada membantah pernikahan itu, dia akan segera diceraikan.

Bergerak lebih jauh daripada masalah itu dan meninjau ke Kelantan, satu-satunya negeri di bawah pemerintahan pembangkang, Pas, perbezaannya lebih ketara. Di Kelantan, pemodenan sukar dilihat dalam peta negeri itu. Di sana tiada, disko atau kelab malam.

Perempuan dan lelaki ditegah bercampur. Mereka menggunakan kaunter pembayaran berlainan di pasar raya, tempat duduk dalam auditorium pula diasingkan di antara lelaki dan wanita.

Pemimpin Pas percaya peraturan Islam dan ayat suci al-Quran tidak dibuka kepada pemodenan, mengikut tafsiran fleksibel. Di negeri itu, cara hidupnya cukup mudah, amat berbeza dengan kesibukan ibu kota Kuala Lumpur. Ini dapat dilihat pada suatu senja yang hening, ketika azan bergema, seorang lelaki bersama anaknya berbasikal perlahan melihat mata hari terbenam. Motifnya mudah, beliau mempunyai masa untuk bersama anak walaupun sibuk mencari kesenangan pada siang hari.

"Kita mengikuti arah pembangunan perlahan yang perlu seiring dengan ajaran Islam. Di Kuala Lumpur, semuanya orang sibuk dan mereka tidak mempunyai masa untuk perkara penting dalam kehidupan seharian.

"Kamu tidak bersama anak kerana kamu sentiasa terperangkap dalam kesesakan lalu lintas," kata Anwar Tan, seorang ahli majlis tempatan.

Menteri Besar Kelantan, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat menyokong undang-undang keadilan Islam (hudud); mereka yang mencuri dipotong tangan dan yang melakukan zina direjam dengan batu. Beliau turut menyarankan wanita tidak memakai gincu bibir bagi mengelakkan tumpuan lelaki terhadap mereka.

Apabila ditanya mengenai hasrat Kerajaan Pusat mewujudkan negara Islam moden, katanya: "Kita melihat mereka (Kerajaan Pusat) bukan saja sebagai musuh, malah pesakit. Kita perlu mengubatinya mereka."

Dalam banyak hal, Malaysia bergerak dalam landasan kejuruteraan sosial. Malaysia tidak bersendirian. Perubahan di Malaysia mempengaruhi

jirannya, Indonesia, negara yang mempunyai penduduk Islam paling ramai di dunia.

Jika Malaysia dalam usaha ini, kemudian Asia Tenggara, ia mencipta sejarah dalam dunia Islam sebagai pusat pemodenan Islam. Ketika itu, Barat perlu berfikir semula pandangan dan prejudisnya terhadap Islam.

(END)